

05 AUG 2002

Mahathir-Akayev (Bergambar)/I

DR MAHATHIR KUNJUNGI PRESIDEN KYRGYZ

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Presiden Republik Kyrgyz Askar Akayev di sebuah hotel di sini hari ini.

Akayev yang tiba di sini dari Langkawi pagi tadi setelah menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), sedang mengetuai delegasi sebanyak 50 orang untuk lawatan rasmi dua hari ke negara ini.

Selain diiringi isteri beliau Mairam Akayeva, delegasi presiden Kyrgyz turut disertai Timbalan Perdana Menteri Pertama Kurmanbek Osmonov, menteri luar, menteri kesihatan, para pegawai kanan kerajaan, pengerusi bank negara Kyrgyz dan ahli perniagaan.

Dr Mahathir turut diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam perjumpaan 30 minit itu.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob selaku menteri pengiring.

Lawatan Akayev kali ini, yang kedua selepas lawatan beliau pada 1995, bertujuan membarui hubungan peribadinya dengan Dr Mahathir, di samping meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Syed Hamid memberitahu Bernama selepas pertemuan itu, Dr Mahathir dan Akayev telah mengadakan perbincangan yang menyentuh pelbagai isu dua hala dan pembangunan di Malaysia dan Kyrgyz.

"Dr Mahathir dan Akayev bertukar-tukar fikiran dan Presiden Kyrgyz menyatakan kekagumannya dengan pencapaian Malaysia," kata beliau.

Kedua pemimpin dijadual mengadakan perbincangan rasmi pada sebelah petang di Putrajaya.

Syed Hamid juga berkata Akayev menyatakan kehadirannya di LID amat bermanfaat kerana beliau dapat mengambil bahagian dan bukannya sebagai pemerhati sahaja.

Sementara itu Akayev telah diberi sambutan rasmi di Dataran Parlimen di sini pagi tadi.

Ketibaannya di bangunan Parlimen disambut Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan dan tembakan meriam 21 das dilepaskan.

Akayev turut memeriksa perbarisan kehormatan yang terdiri daripada 107 pegawai dan anggota Batalion Pertama Istiadat Askar Melayu Diraja, diketuai Mejar Hamdan Musa dengan diiringi pancaragam Kor Armor Diraja di bawah pimpinan Kapten Jailani Mohd Okhtat.

Akayev kemudian diperkenalkan kepada para menteri kabinet dan diplomat asing.

Beliau dijadualkan mengadap Yang di-Pertuan Agong petang ini sebelum menghadiri jamuan negara di Istana Negara pada sebelah malam.

Republik Kyrgyz terletak di Asia Tengah dan negara bekas Kesatuan Soviet itu mempunyai penduduk lima juta orang yang menggunakan bahasa Rusia sebagai bahasa rasmi.

-- BERNAMA

ZMN ZS HM